

**NO SOALAN :70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2015**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fi perkhidmatan yang dibayar oleh penduduk di kondominium dan rumah berstrata kelas menengah dan mewah dikehendaki untuk membayar GST memandangkan perkhidmatan bukan untuk mengaut keuntungan. Apakah yayasan dan badan kebajikan yang menerima pendapatan yang melebihi RM500,000 setahun juga dikehendaki membayar GST.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Kewangan melalui subseksyen

18(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 bersetuju supaya perkhidmatan kepada pemilik di perumahan kos rendah dan pertengahan rendah yang dipegang di bawah hak milik strata yang telah dikategorikan sebagai bekalan dikecualikan (*exempt supply*) diperluaskan untuk meliputi semua kategori perumahan kediaman dipegang di bawah hak milik strata. Ini bermaksud apa-apa fi yang dikenakan oleh *management corporation* dan *joint management body* ke atas penyelenggaraaan dan pengurusan serta *sinking fund* adalah dikecualikan dari GST.

Bagi yayasan atau badan kebajikan yang hanya menjalankan aktiviti kebajikan, GST tidak dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak yayasan atau badan kebajikan ada membuat pembekalan bercukai yang tertakluk di bawah Akta Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 dan mencapai threshold RM500,000.00 setahun, mereka perlu mendaftar GST dan mengenakan GST atas pembekalan bercukai tersebut.